

Norihan Binti Anah

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, December 19, 2017 4:09 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Wacana Majlis Profesor UUM Bincang Isu Gangguan Dan Kesan IR4.0 Terhadap Masyarakat



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



19 DISEMBER 2017 / 30 RABIULAWAL 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

WACANA MAJLIS PROFESOR UUM BINCANG ISU GANGGUAN DAN KESAN IR4.0 TERHADAP MASYARAKAT



UUM ONLINE: Dalam menghadapi era Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0), tidak terlepas revolusi tersebut mencetuskan *disruption* atau gangguan terhadap norma kehidupan masyarakat.

Sehubungan itu, menyedari kesan gangguan IR4.0 terhadap masyarakat dan negara, Majlis Profesor UUM mengambil inisiatif menganjurkan wacana bertajuk *IR4.0 Disruption And Its Implications On The Malaysian Society* di EDC Hotels & Resorts, hari ini.

Felo Utama dan Ketua Pegawai Maklumat, Majlis Profesor Negara, Prof Dr Ahmad Zaki Abu Bakar dalam ucap tama beliau berkata, IR4.0 merupakan revolusi teknologi yang memberi cabaran baharu kepada semua golongan di negara ini.

Menurutnya, Klaus Schwab, seorang pakar ekonomi dunia dan nama besar di sebalik kemunculan istilah IR 4.0 menerangkan dengan terperinci tentang revolusi ini dalam bukunya *'The Fourth Industrial Revolution'* dengan menjejaki semula revolusi industri dunia dalam konteks sejarah.

Katanya, revolusi adalah satu perubahan sesebuah kerajaan, sistem politik atau sistem sosial yang dilakukan secara radikal dan kekerasan seperti rusuhan dan pemberontakan, malah revolusi juga bererti perubahan yang menyeluruh dan mendadak terutamanya dari segi cara berfikir dan bertindak.

"IR 4.0 adalah gelombang revolusi masa kini seperti yang dijelaskan oleh Schwab sebagai transformasi yang bakal ditempuhi masyarakat dan tidak mampu dibayangkan dan tidak pernah dialami oleh manusia sebelum ini.

"Diikuti pula dengan kemunculan teknologi masa hadapan seperti robot pintar, data raya, *the internet of things* (IoT), pengkomputeran awan, keselamatan siber, pembuatan tetambah, realiti perkukuh dan penyepaduan sistem," katanya.

Beliau berkata, IR4.0 mencetuskan gangguan terhadap norma kehidupan masyarakat dalam semua aspek dan bagi memastikan kekal berdaya saing, bukan sahaja sektor sosial, politik dan ekonomi sahaja yang perlu melakukan perubahan, malah seluruh rakyat Malaysia.

Menurutnya, adalah menjadi harapan negara terhadap IR4.0 itu supaya industri pembuatan dan perkhidmatan menjadi lebih canggih, Malaysia berubah menjadi negara penghasil produk antarabangsa berbanding dengan negara pengguna, eksport negara meningkat, bandar dan desa berubah menjadi pintar serta modal insan Malaysia lebih berketerampilan dan inovatif.

Wacana Majlis Profesor UUM yang mengupas isu gangguan IR4.0 dan kesannya terhadap rakyat di negara ini menampilkan panel iaitu Prof Dato' Dr Amir Hussin Baharuddin, Prof Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani dari UUM dan Prof Dr Ali Selamat dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), selain Prof Dr Ahmad Zaki serta moderator, Prof Dr Suhaidi Hassan.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
📘 Universiti Utara Malaysia (Official FB)





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.